

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.  
SANTIAGO  
(KLANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.05.2016**

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [ KLANG ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang telah  
dipinjam dari EPF dan SOCSO oleh 1MDB. Apakah terma pembayaran  
semula dan berapakah jumlah wang yang telah dibayar balik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Semua butiran pinjaman 1MDB boleh didapati di dalam Jadual 10, Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (“PAC”).

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, 1MDB tidak pernah membuat sebarang pinjaman dengan EPF. Anak syarikat 1MDB, iaitu TRX City Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai 1MDB Real Estate Sdn Bhd) telah meminjam sebanyak RM800 juta dari SOCSO pada tahun 2012 yang dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Hutang tersebut matang pada tahun 2022, dengan pembayaran balik prinsipal di antara tahun 2016 dan 2022. Pada masa ini, kira-kira RM65 juta telah dibayar balik berdasarkan peruntukan perjanjian pinjaman yang telah dimeterai. TRX City Sdn Bhd mampu membayar balik kesemua faedah dan prinsipal pinjaman tersebut berikutan kejayaan pelaksanaan Pelan Rasionalisasi 1MDB.